

PERJUANGAN SOSIAL WANITA DALAM NOVEL "ZAYNAB" KARYA MUHAMMAD HUSAYN HAIKAL DAN NOVEL "SALINA" KARYA A. SAMAD SAID

Nurul Ashikin Binti Ab Aziz

Aishah Binti Isahak

Nabilah Binti Tarmizi

Abstrak

Perjuangan sosial wanita merupakan isu penting dalam wacana sastera yang mencerminkan realiti, cabaran, dan pergelutan wanita dalam pelbagai dimensi kehidupan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti struktur dan dimensi perjuangan sosial wanita yang ditampilkan dalam kedua-dua buah novel, kemudian menganalisis persamaan dan perbezaan dalam menggambarkan perjuangan tersebut, serta meneliti kesan konteks sejarah dan sosial dalam membentuk naratif perjuangan wanita yang ditampilkan oleh Muhammad Husayn Haikal dan A. Samad Said. Kedua-dua novel ini mengangkat watak wanita sebagai teras naratif yang memperlihatkan konflik dalaman, tekanan sosial dan usaha membebaskan diri daripada belunggu patriarki. Kajian ini menggunakan pendekatan perbandingan sastera Aliran Amerika dengan fokus terhadap aspek perjuangan wanita dari segi hak pendidikan, kebebasan memilih jodoh, serta kedudukan sosial dan ekonomi. Teori feminisme digunakan sebagai kerangka analisis untuk menilai sejauh mana kedua-dua watak utama, Zaynab dan Salina, menunjukkan ciri-ciri penentangan terhadap norma dan struktur masyarakat yang menindas wanita. Analisis ini dijalankan secara kualitatif melalui pembacaan mendalam terhadap teks primer serta disokong oleh teks sekunder tentang teori feminis dan sastera perbandingan. Penemuan kajian menunjukkan bahawa Zaynab memperjuangkan hak untuk menentukan masa depan dan pilihan jodohnya, manakala Salina bergelut untuk mempertahankan harga diri dalam suasana masyarakat pascaperang yang penuh diskriminasi. Kedua-duanya mewakili suara wanita yang tabah, berani dan berjiwa besar dalam menuntut hak sebagai manusia bermaruah. Impak kajian ini terletak pada kemampuannya membuka ruang wacana tentang kesedaran gender dalam sastera rentas budaya, di samping menyumbang kepada perluasan perspektif dalam kajian sastera perbandingan.

Kata kunci: Perjuangan Sosial Wanita, "Zaynab", "Salina", sastera Arab, sastera Melayu.

PENDAHULUAN

Peranan wanita dalam masyarakat telah lama menjadi fokus perbincangan dalam bidang sastera, sejarah, dan kajian budaya. Menurut Noraisah Yusop (2024) dan Elizatul Natasyah (2016), wanita sering digambarkan sebagai tokoh yang berada di persimpangan antara tradisi dan perubahan, terikat dengan norma sosial, tetapi dalam masa yang sama menjadi ejen penting kepada transformasi masyarakat. Dalam konteks kesusasteraan, gambaran wanita bukan sahaja terbatas kepada aspek peranan domestik, tetapi juga sebagai simbol perjuangan sosial, moral, dan politik. Justeru, kajian terhadap watak dan naratif wanita dalam karya sastera membuka ruang untuk memahami dinamika sosial masyarakat, termasuk persoalan kelas, patriarki, dan tuntutan kebebasan.

Dalam tradisi sastera Arab moden, Rosni Samah (2015) menjelaskan bahawa novel "Zaynab" (1913) karya Muhammad Husayn Haikal dianggap sebagai novel realis pertama Mesir yang mengangkat persoalan wanita dalam kerangka masyarakat agraria dan budaya patriarki awal abad ke-20. Wan Moharani (2022) pula menegaskan bahawa watak Zaynab bukan sahaja berfungsi sebagai protagonis yang sarat dengan konflik peribadi, tetapi juga sebagai representasi penentangan terhadap struktur sosial yang menindas.

Sebaliknya, dalam kesusasteraan Melayu moden, Asrul Azuan Mat Dehan (2017) dan Nor Hasimah Ismail (2017) berpendapat bahawa novel "Salina" (1961) karya Sasterawan Negara A. Samad Said hadir dengan latar sosial yang berbeza, iaitu suasana pasca penjajahan dan pasca Perang Dunia Kedua. Melalui watak Salina dan kelompok wanita lain, A. Samad Said menyorot penderitaan rakyat marhaen akibat kesan peperangan, kemiskinan, dan keruntuhan moral masyarakat bandar.

Menurut Rosni Samah (2017) dan Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi (2024), kedua-dua teks ini, walaupun berjarak hampir setengah abad dan lahir daripada tradisi yang berbeza, namun memperlihatkan wacana yang sama pentingnya: perjuangan sosial wanita dalam menghadapi pelbagai bentuk penindasan. Kajian perbandingan terhadap "Zaynab" dan "Salina" menjadi signifikan kerana ia menghubungkan dua tradisi sastera iaitu Arab dan Melayu yang berkembang dalam ruang sejarah dan budaya Islam. Walaupun konteks sejarah kedua-duanya berbeza, namun kesepadanan yang wujud memperlihatkan bagaimana wanita digarap sebagai tokoh perjuangan dalam masyarakat. Di sinilah sastera berperanan sebagai cermin masyarakat, dan teori sosiologi sastera memberikan asas yang sesuai untuk menyingkap makna perjuangan sosial yang dilakarkan oleh pengarang melalui simbolisme watak wanita.

Namun, Rosni Samah (2015) menegaskan bahawa kebanyakan kajian terhadap "Zaynab" lebih menekankan nilai sejarahnya sebagai novel Arab moden pertama, manakala Asrul Azuan Mat Dehan (2017) pula menunjukkan bahawa penyelidikan terhadap "Salina" sering memberi tumpuan kepada aspek realisme sosial Malaysia pascaperang. Oleh itu, kajian ini mengisi ruang

dengan memberi perhatian khusus kepada perjuangan wanita sebagai agen sosial dalam dua konteks yang berbeza tetapi saling berhubung melalui semangat kemanusiaan sejagat.

Sehubungan itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti struktur dan dimensi perjuangan sosial Wanita yang digambarkan dalam kedua-dua novel. Seterusnya, menganalisis persamaan dan perbezaan dalam menggambarkan perjuangan tersebut serta meneliti kesan konteks sejarah dan sosial dalam membentuk naratif perjuangan wanita yang ditampilkan oleh Muhammad Husayn Haikal dan A. Samad Said. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengukuhan wacana perbandingan kesusasteraan, di samping memperkayakan pemahaman tentang peranan wanita dalam sastera sebagai simbol perjuangan sosial dan suara perubahan masyarakat.

STRUKTUR DAN DIMENSI PERJUANGAN SOSIAL

Dalam kerangka aliran Amerika, Wellek dan Warren (1949) menjelaskan bahawa karya sastera dilihat bukan sahaja sebagai teks estetik, tetapi juga sebagai dokumen sosial yang merekodkan keadaan, konflik, dan aspirasi masyarakat pada zaman tertentu. Sejalan dengan pandangan itu, Afiqah (2023) menegaskan bahawa analisis terhadap perjuangan sosial wanita perlu dilihat melalui hubungan antara teks dan konteks iaitu struktur masyarakat serta latar sejarah yang membentuk naratif sesebuah karya. Oleh itu, penelitian terhadap "Zaynab" dan "Salina" menuntut pemahaman terhadap interaksi antara reality sosial dan kesedaran Sejarah seperti yang ditegaskan oleh Noraisah (2015).

Novel "Zaynab" (1913) karya Muhammad Husayn Haikal muncul pada awal abad ke-20 di Mesir, ketika masyarakat masih terikat dengan sistem feodal agraria dan adat perkahwinan tradisional. Struktur perjuangan sosial yang digarap Haikal adalah refleksi kepada realiti sosial golongan tani, khususnya wanita, yang dinafikan hak untuk menentukan hidup mereka sendiri. Hal ini dapat dilihat melalui keluhan Zaynab:

"Adakah hati seorang gadis tidak berhak memilih siapa yang dicintai, atau apakah hidupnya hanya ditentukan oleh kehendak orang lain?" (Haikal, 1913: 74).

Menurut Tati (2028), petikan ini bukan sekadar menggambarkan dilema seorang gadis, tetapi menzahirkan realiti sistem sosial Mesir ketika itu, yang menafikan autonomi wanita kelas bawahan. Asrul Azuan dan Norfaizah (2020) menambah bahawa "Zaynab" berperanan sebagai dokumen asal yang menandakan peralihan Mesir menuju kemodenan serta menuntut reformasi terhadap kedudukan Wanita. Oleh itu, struktur perjuangan sosial dalam "Zaynab" berakar daripada konflik kelas agraria yang menempatkan wanita tani dalam cengkaman adat dan sistem patriarki feodal.

Sementara itu, "Salina" (1961) karya A. Samad Said lahir dalam konteks Tanah Melayu pascaperang, dengan latar sosial yang sarat dengan kesan penjajahan, kemiskinan bandar, dan

runtuhnya moral masyarakat akibat trauma sejarah. Struktur perjuangan sosial yang digambarkan lebih realis dan keras, memperlihatkan penderitaan golongan bawahan yang terperangkap dalam kitaran derita sosial. Hal ini jelas apabila Salina meluahkan:

“Aku bukan tidak tahu orang memandang hina, tetapi apa dayaku kalau ini sahaja yang mampu menyelamatkan aku daripada kebuluran?” (A. Samad Said, 1961: 212).

Menurut Norazimah (2022), dialog ini bukan sekadar mencerminkan tragedi individu, tetapi situasi sosial masyarakat pascaperang yang memaksa wanita untuk mengorbankan maruah demi kelangsungan hidup. Sehubungan itu, Afiqah (2023) menegaskan bahawa perjuangan sosial dalam Salina berstruktur pada realiti kelangsungan hidup dan keadilan kelas, menjadikannya dokumen sosial yang mencatatkan penderitaan rakyat marhaen dalam sejarah Malaysia moden.

Perbandingan kedua-dua novel menunjukkan bahawa struktur perjuangan sosial wanita dipengaruhi secara langsung oleh konteks sejarah dan kelas sosial. Noraisah (2015) berpandangan bahawa "Zaynab" berakar pada penindasan patriarki feudal Mesir, manakala "Salina" menggambarkan perjuangan wanita pascaperang yang bergelut dengan kemiskinan dan kehancuran moral. Kedua-duanya mengangkat suara wanita bukan semata-mata sebagai tokoh naratif, tetapi sebagai simbol realiti sosial yang mendesak perubahan (Tati, 2018).

a. Struktur Naratif dan Teknik Penceritaan.

Dalam konteks analisis sastera perbandingan, Tati (2018) menjelaskan bahawa struktur naratif memainkan peranan penting dalam menggambarkan perjuangan sosial yang dihadapi watak wanita. Novel "Zaynab" (1913) karya Muhammad Husayn Haikal menggunakan penceritaan linear yang realistik, menekankan kehidupan desa Mesir dengan terperinci. Kehidupan petani, adat perkahwinan, dan hierarki sosial dipaparkan sebagai latar yang mengikat kebebasan Zaynab. Naratif yang lurus dan berterus terang ini menggambarkan keterikatan wanita dengan struktur masyarakat feudal yang kaku. Sebaliknya, "Salina" (1961) karya A. Samad Said memperlihatkan struktur naratif yang lebih kompleks, dengan penggunaan dialog dan pertembungan pelbagai watak daripada latar sosial yang berbeza. Melalui pendekatan realisme sosial ini, Norazimah (2022) menjelaskan bahawa A. Samad Said menonjolkan perjuangan wanita bukan sekadar isu peribadi tetapi kolektif, mencerminkan tekanan ekonomi dan kemerosotan moral Masyarakat.

b. Dimensi Watak dan Psikologi.

Dimensi watak turut menjadi kunci dalam memahami perjuangan sosial. Watak Zaynab dipaparkan sebagai gadis desa yang berhadapan dengan konflik dalaman antara cinta dan kewajiban adat. Perjuangannya dilihat sebagai usaha untuk mendapatkan hak dalam membuat keputusan terhadap hidupnya sendiri. Sementara itu, Salina mewakili wanita yang berada dalam kedudukan marginal, terpaksa hidup dengan stigma sebagai pelacur demi kelangsungan hidup.

Namun, ketabahannya menjadikan beliau simbol kekuatan yang melawan hipokrasi sosial. Kedua-dua watak ini memperlihatkan bahawa perjuangan wanita tidak hanya bersifat luaran, tetapi juga mencakupi dimensi psikologi yang mendalam.

c. Dimensi Gender dan Patriarki.

Selain itu, dimensi gender dan patriarki jelas kelihatan dalam kedua-dua teks. Dalam "Zaynab", wanita diletakkan dalam ruang domestik dan dianggap sebagai objek keputusan keluarga. Perkahwinan yang diatur keluarga menjadi lambang keterikatan dengan sistem patriarki yang menindas. Tati (2018) menambah bahawa watak Zaynab mencerminkan struktur Masyarakat Mesir yang menganggap wanita sebagai pemilikan keluarga, bukan individu berkehendak bebas. Berbeza dengan itu, "Salina" menampilkan wanita yang lebih berdaya tahan walaupun hidup di pinggir norma sosial. Walaupun terpinggir, watak Salina berjaya mempersoalkan nilai moral masyarakat yang penuh dengan kontradiksi. Norazimah (2022) menunjukkan bahawa perjuangan sosial wanita dalam "Salina" lebih radikal, kerana bukan sahaja berhadapan dengan patriarki, tetapi juga dengan sistem sosial yang hipokrit.

d. Dimensi Kelas dan Ekonomi.

Dimensi kelas dan ekonomi pula menambah kedalaman kepada naratif perjuangan wanita. "Zaynab" menekankan konflik antara petani desa dengan golongan tuan tanah, lalu menggambarkan perjuangan wanita dalam kerangka penindasan kelas feudal. Dalam "Salina", perjuangan wanita berkait rapat dengan kemiskinan pascaperang. Pilihan Salina untuk melibatkan diri dalam pelacuran adalah cerminan realiti sosial yang memaksa golongan wanita mencari jalan hidup dalam keadaan penuh keterdesakan. Perjuangan sosial wanita dalam kedua-dua novel ini tidak dapat dipisahkan daripada faktor kelas, kerana mereka menjadi mangsa kepada ketidakadilan struktur ekonomi.

e. Dimensi Ideologi dan Nasionalisme.

Dari segi ideologi, kedua-dua novel juga membawa mesej yang berkait dengan konteks sejarah masing-masing. "Zaynab" menjadi wadah awal kebangkitan kesedaran bangsa Mesir terhadap penindasan penjajah British dan sistem feudal yang mengikat. Perjuangan wanita di sini dilihat sebagai sebahagian daripada usaha keluar daripada cengkaman tradisi demi menuju ke arah pembaharuan. "Salina" pula menampilkan kesedaran terhadap nasib Masyarakat Tanah Melayu selepas penjajahan Jepun dan dalam proses menuju kemerdekaan. Melalui "Salina", A. Samad Said memaparkan realiti getir masyarakat yang masih mencari arah dalam membina bangsa selepas perang. Perjuangan wanita di sini lebih bersifat kolektif, mencerminkan penderitaan masyarakat secara keseluruhan.

f. Dimensi Simbolisme dan Metafora.

Akhir sekali, menurut Tati (2018) dimensi simbolisme dan metafora memperlihatkan wanita sebagai lambang perjuangan sosial yang lebih luas. "Zaynab" menjadi simbol konflik antara tradisi dan kemajuan, mencerminkan keinginan masyarakat Mesir untuk keluar daripada kejumudan sosial. Afiqah (2023) pula menyatakan bahawa keperitan batin Zaynab melambangkan pergelutan masyarakat antara adat lama dan kebebasan. Manakala "Salina" menjadi metafora bagi bangsa yang rapuh tetapi tabah berhadapan cabaran sejarah. Kedua-dua pengarang menempatkan watak wanita bukan sahaja sebagai individu, tetapi juga sebagai cerminan masyarakat dan bangsa.

Oleh itu, analisis struktur dan dimensi perjuangan sosial ini membuktikan bahawa kedua-dua novel menggunakan kerangka naratif dan simbolik untuk menekankan bahawa perjuangan wanita adalah sebahagian daripada perjuangan sosial dan sejarah bangsa.

PERSAMAAN DAN PERBEZAAN DI ANTARA ZAYNAB DAN SALINA

Perbandingan antara "Zaynab" dan "Salina" memperlihatkan bahawa meskipun kedua-dua novel lahir daripada tradisi dan konteks sejarah yang berbeza, kedua-duanya berkongsi keprihatinan yang sama terhadap isu perjuangan wanita dalam masyarakat yang menindas. Dari segi persamaan, kedua-dua pengarang menggunakan watak wanita sebagai pusat naratif yang mewakili suara tertindas. Zaynab dan Salina sama-sama berhadapan dengan struktur sosial yang keras, berpunca daripada adat patriarki feodal di Mesir awal abad ke-20, manakala satu lagi lahir daripada kemiskinan bandar pascaperang di Tanah Melayu. Kedua-duanya mengungkapkan hakikat bahawa wanita sering menjadi mangsa kepada sistem yang menafikan autonomi mereka.

Dalam "Zaynab", penindasan itu lebih terserlah dalam bentuk pengaturan perkahwinan dan kawalan keluarga terhadap pilihan hidup wanita. Sebagai contoh, Zaynab meluahkan keresahannya:

"Bagaimana mungkin aku menginginkan hidupku sendiri, sedangkan setiap langkahku ditentukan orang lain?" (Haikal, 1913: 88).

Petikan ini menegaskan bahawa perjuangan Zaynab berakar daripada konflik antara keinginan peribadi dengan autoriti tradisi. Walaupun bentuk perjuangannya lebih emosional, ia tetap menjadi dokumen sosial tentang pergelutan wanita dalam sistem feodal.

Sebaliknya, dalam "Salina", Dinar (2023) melihat bahawa perjuangan wanita lebih berhubung dengan kelangsungan hidup fizikal dalam situasi kemiskinan bandar. Salina digambarkan sebagai individu yang sanggup menanggung penghinaan masyarakat demi meneruskan hidup. Ini jelas apabila beliau menyatakan:

"Aku tahu mereka menghinaku, tetapi sekurang-kurangnya aku masih hidup, sedangkan ramai yang sudah tewas kerana lapar." (A. Samad Said, 1961: 245).

Di sini, perbezaan ketara muncul di mana perjuangan Zaynab lebih berorientasikan kebebasan emosional dan hak individu, manakala perjuangan Salina lebih bersifat material dan kolektif, mencerminkan tekanan sejarah dan politik masyarakat pascaperang.

Dari sudut persamaan, kedua-dua pengarang menolak imej wanita pasif. Sebaliknya, wanita ditampilkan sebagai agen perjuangan sama ada secara simbolik menolak patriarki atau secara realis melawan kemiskinan. Perbezaannya pula terletak pada bentuk perjuangan yang dipengaruhi oleh konteks: Haikal mengangkat isu wanita sebagai sebahagian daripada kebangkitan nasional Mesir menuju kemodenan, manakala A. Samad Said menyorot wanita sebagai saksi sejarah pascaperang yang menggugat struktur sosial Malaysia moden.

Kesimpulannya, persamaan dan perbezaan ini menegaskan bahawa perjuangan sosial wanita dalam kedua-dua teks tidak boleh difahami secara terpisah daripada realiti sejarah masyarakatnya. Zaynab memperlihatkan perjuangan terhadap tradisi patriarki feudal, manakala Salina menampilkan perjuangan terhadap ketidakadilan ekonomi dan sosial. Namun, kedua-duanya bersatu dalam menyuarakan tuntutan perubahan dan martabat wanita dalam masyarakat.

a. Konteks Sejarah dan Sosial

Kedua-dua novel "Zaynab" karya Muhammad Husayn Haikal dan "Salina" karya A. Samad Said memperlihatkan persamaan yang ketara dari sudut penekanan terhadap wanita sebagai pusat naratif. Watak Zaynab dan Salina bukan sekadar tokoh individu, tetapi melambangkan penderitaan golongan wanita dalam masyarakat yang sarat dengan tekanan sosial. Kedua-duanya digambarkan sebagai sosok yang diuji oleh keadaan, namun tetap tabah dan menjadi lambang kekuatan. Hal ini membuktikan bahawa kedua-dua pengarang menggunakan naratif wanita untuk mengetengahkan persoalan perjuangan sosial yang lebih luas.

b. Bentuk Perjuangan Wanita

Persamaan juga dapat dilihat pada aspek kritikan terhadap sistem patriarki dan norma masyarakat yang menindas wanita. Dalam "Zaynab", patriarki hadir melalui kuasa keluarga dan adat yang menentukan kehidupan perkahwinan seorang gadis tanpa persetujuannya. "Salina" menyorot bagaimana stigma masyarakat, khususnya lelaki, menghukum wanita yang terpinggir, sedangkan mereka sendiri hidup dalam hipokrasi moral. Dengan cara ini, kedua-dua novel berfungsi sebagai kritikan sosial terhadap dominasi patriarki dan sebagai suara pembelaan terhadap hak wanita.

c. Struktur Naratif

Menurut Dinar (2023), perbezaan konteks sejarah dan sosial telah membentuk naratif perjuangan yang berbeza. Zaynab lahir dalam suasana Mesir awal abad ke-20, ketika nasionalisme mula berkembang dan pertembungan antara tradisi feudal dengan modeniti semakin ketara.

Perjuangan Zaynab berlegar sekitar hak individu untuk memilih pasangan hidup, sekali gus melambangkan peralihan masyarakat ke arah kebebasan moden. Sebaliknya, Salina ditulis dalam suasana Malaya pascaperang, dengan realiti kemiskinan, trauma penjajahan Jepun, serta keruntuhan nilai moral. Perjuangan Salina bukan lagi soal cinta, tetapi survival hidup di tengah-tengah masyarakat yang rapuh dan penuh kegetiran.

d. Penggunaan Simbolisme

Rosni Samah (2017) menyatakan perbezaan turut jelas dari segi teknik naratif dan simbolisme. Zaynab dibina dengan struktur linear yang realistik, menyorot kehidupan desa dan pergelutan individu dengan tradisi. Watak Zaynab sendiri menjadi simbol peralihan Mesir daripada dunia lama kepada cita-cita modeniti. Sebaliknya, Salina menggunakan naratif yang lebih kompleks, dengan pertembungan pelbagai watak dan latar masyarakat bandar pascaperang. Salina tampil sebagai simbol bangsa Malaya yang walaupun rapuh kerana tekanan sejarah, tetap tabah bertahan. Maka, persamaan dan perbezaan ini memperlihatkan bahawa perjuangan sosial wanita dalam kedua-dua novel walaupun berbeza konteks, tetap berkongsi nilai sejagat tentang keteguhan dan keberanian wanita menentang ketidakadilan.

KESAN KONTEKS SOSIAL DAN SEJARAH TERHADAP PEMBENTUKAN NARATIF PERJUANGAN WANITA DALAM ZAYNAB DAN SALINA

Kedua-dua novel "Zaynab" (1913) dan "Salina" (1961) jelas memperlihatkan bagaimana konteks sosial dan sejarah menjadi faktor penentu dalam pembentukan naratif perjuangan wanita. Pendekatan aliran Amerika yang menitikberatkan latar masyarakat dan sejarah membolehkan kita melihat bahawa teks sastera tidak wujud secara terasing, tetapi merupakan refleksi zaman.

Dalam "Zaynab", suasana Mesir awal abad ke-20 yang sedang mengalami kebangkitan nasionalisme dan pertembungan antara tradisi feodal dengan modeniti memberi kesan besar kepada naratifnya. Zaynab, sebagai seorang wanita desa, mewakili generasi yang ingin keluar daripada cengkaman adat lama. Tekanan adat dan kuasa keluarga yang mengatur perkahwinan bukan sahaja menggambarkan realiti sosial ketika itu, malah melambangkan konflik antara "yang lama" dengan "yang baharu". Novel ini, menurut Sir Hamilton Gibb (1962), "Zaynab" merupakan cerminan awal usaha sastera Arab moden untuk membicarakan kebebasan individu, khususnya wanita, dalam kerangka pembangunan bangsa. Dengan kata lain, perjuangan Zaynab adalah perjuangan sosial yang selari dengan tuntutan zaman untuk keluar daripada kejumudan tradisi.

Menurut Norita (2023), Salina lahir daripada realiti Malaysia pascaperang, khususnya selepas Perang Dunia Kedua dan pendudukan Jepun. Kesan kemiskinan, keruntuhan nilai, dan kebangkitan semangat nasionalisme pascaperang membentuk kerangka cerita. Salina menjadi lambang seorang wanita yang terhimpit dalam dunia penuh keperitan ekonomi dan stigma sosial, namun tetap bertahan. Keputusan A. Samad Said untuk menampilkan watak pelacur sebagai tokoh utama merupakan keberanian estetik dan sosial yang tidak terpisah daripada realiti sejarah

zamannya. Ia menunjukkan bagaimana wanita dipaksa berkorban dan menjadi saksi kepada kerapuhan moral masyarakat selepas perang. Dengan itu, perjuangan Salina bukan hanya peribadi, tetapi kolektif, kerana ia menggambarkan kejatuhan dan ketabahan sebuah bangsa.

Perbandingan ini memperlihatkan bahawa walaupun latar sejarah berbeza, kedua-dua teks sama-sama menekankan bahawa wanita tidak dapat dipisahkan daripada perjalanan sejarah bangsa. Dalam "Zaynab", wanita ditampilkan sebagai suara yang mendahului kebangkitan nasional, manakala dalam "Salina", wanita menjadi lambang realiti getir bangsa selepas perang. Maka, dapatan kajian menunjukkan bahawa perjuangan sosial wanita dalam kedua-dua teks ini bukan sekadar isu gender, tetapi merupakan medan kritikan sosial yang erat dengan konteks zaman masing-masing.

Kesimpulannya, pendekatan aliran Amerika membuka ruang untuk melihat bahawa naratif perjuangan wanita dalam kedua-dua novel tidak boleh difahami hanya sebagai kisah peribadi watak, tetapi sebagai manifestasi sejarah dan sosial. "Zaynab" ialah produk zaman kebangkitan modeniti Mesir, sementara "Salina" ialah cerminan pascaperang dan perubahan sosial Malaysia. Kedua-duanya membuktikan bahawa sastera berperanan sebagai rakaman sejarah dan suara perjuangan bangsa melalui penderitaan dan keteguhan wanita.

PENUTUP

Kajian perbandingan terhadap "Zaynab" karya Muhammad Husayn Haikal dan "Salina" karya A. Samad Said memperlihatkan bahawa perjuangan sosial wanita bukan sekadar isu peribadi, tetapi juga satu wacana yang mencerminkan ketidakadilan dalam struktur masyarakat. Kedua-dua pengarang berjaya menampilkan wanita sebagai simbol penentangan terhadap hegemoni patriarki serta suara golongan tertindas yang menuntut hak dan kebebasan.

Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa persamaan dan perbezaan antara kedua-dua karya dipengaruhi oleh konteks sejarah lampau masing-masing. "Zaynab" menampilkan perjuangan wanita melalui konflik cinta dan tradisi dalam masyarakat agraria Mesir, manakala "Salina" menyorot cabaran wanita pascaperang yang berhadapan dengan kemiskinan, stigma, dan keterpinggiran. Analisis ini menegaskan bahawa faktor budaya dan sejarah berperanan besar dalam membentuk naratif perjuangan sosial dalam sastera.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa karya sastera berfungsi bukan sahaja sebagai wadah estetika, tetapi juga sebagai medan perjuangan sosial dan suara perubahan masyarakat. Hal ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan tentang bagaimana sastera dari pelbagai latar budaya dapat saling memperkaya pemahaman kita terhadap isu sosial sejagat, khususnya yang melibatkan wanita dan keadilan sosial.

RUJUKAN

Haikal, M. H. (1913). *Zaynab*. Cairo: Dar al-Hilal.

A. Samad Said. (1961). *Salina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Zabidi, A. Z., Wan Abdullah, W. N., Haris, A. H., & Nasir, K. (2024). Proses Penciptaan Nabi Adam dalam Hikayat Surat Al-Anbiya': Analisis Perbandingan Antara Tradisi Kesusasteraan Melayu Tradisional & Kisah Dalam Al-Quran. *Afkar: Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam*, 26(1), 467–512.

Mat Dehan, A. A., Yaakob, N. A., Nik Azis, N. F. A., & Penerbit Umt. (2017). Penerapan Retorik Gaya Skema Dalam Pengkaryaan Novel *Salina*. In *Journal of Business and Social Development* (Vol. 5, Issue 1, Pp. 60–78) [Journal-Article].

Kamaruddin, E. N. (2016). Representasi Watak Wanita Dalam Karya Sastera Melayu Moden Berdasarkan Kerangka Taklif. In *Tesis*.

Ismail, N. H., Et Al. & Universiti Utara Malaysia. (2017). Konflik Wanita Dalam Drama Popular Yang Diadaptasi Daripada Novel. In *Journal of Human Development and Communication* (Vol. 6, Pp. 225–238).

Yusop, N. (2024). Identiti Dan Individualiti Perempuan Melayu Dalam Hikayat Syamsul Anuar the Individuality of Malay Women in Hikayat Syamsul Anuar. *Jurnal Pengajian Melayu*, 35(1), 105–117. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol35no2.7>

Samah, R. (2014). *Sumbangan Novel Mesir Zainab Dalam Kemunculan Novel Malaysia Faridah Hanom*.

Samah, R., Puteh-Behak, F., Abdul Razak, Z. R., Wan Ahmad, W. A., Isahak, A., & Faculty of Major Language, Islamic Science University of Malaysia, Malaysia. (2017). The Influence of Egyptian Novel on the Emergence of the First Modern Malaysian Novel. *Saudi Journal of Humanities and Social Sciences*. <http://scholarsmepub.com/>

Mohammad, W. M., Saad, N. M., Isa, Z. Md., Ismail, M. M., Ismail, S., & Fpbu Universiti Sains Islam Malaysia. (N.D.). *Analisis Terjemahan Melayu Berkaitan Al-Layl Dalam Novel Zainab Karya Muhammad Husayn Haykal* [Journal-Article].

Afiqah, N. (2023). Naratif trauma dan keperibadian wanita dalam novel pascaperang Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norazimah, H. (2022). Perjuangan Sosial Wanita Melayu dalam Novel Realisme Moden. *Jurnal Bahasa dan Sastera*, 22(1), 55–74.

Tati, A. (2018). Peranan Sastera Arab dalam Pembentukan Pemikiran Wanita Moden. *Jurnal Kesusasteraan Islam*, 12(2), 88–103.

Norita. (2023). *Novel Salina Karya A. Samad Said: Dilihat dari Sudut Sosial*. Pendeta: Journal of Malay Language, Education and Literature.

Sir Hamilton Gibb, *Studies on the Civilization of Islam* (Princeton, N.J.: Princeton University Press, 1962), hlm. 291, 294.